

DR. M: TIDAK HARUS TIMBUL CURIGA

MM 29 MEI 1983

KUALA TERENGGANU 28 Mei - Hasrat kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara tidak harus menimbulkan sebarang kecurigaan mana-mana pihak kerana Islam tidak bercanggah dengan apa jua nilai baik yang diterima oleh penganut-penganut agama lain.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menegaskan perkara ini menyatakan, hanya mereka yang berniat buruk dan yang tidak senang hati melihat ketenangan negara ini sahaja yang membangkitkan ketakutan di kalangan orang bukan Islam terhadap niat kerajaan itu.

Sempena musabqah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan yang ke-25, beliau menggesa seluruh umat Islam menyatukan azam dan berdoa semoga Allah memberi bimbingan dan petunjuk serta kekuatan kepada segala usaha suci untuk mengembalikan kemurnian nilai-nilai Islam dalam kegiatan hidup umat.

"Dahulu semua orang Islam di Malaysia bersatu-padukan sehingga mereka dapat melawan penjajah untuk merebut kemerdekaan. Tetapi sekarang segala usaha untuk mengekalkan perpaduan dan menggunakan kuasa yang dimiliki orang Islam untuk mengukuhkan kedudukan dan ketahanan orang Islam sudah terganggu," tegasnya.

Katanya, keadaan seperti itu seharusnya tidak berlaku dan adalah malang sekali bagi umat Islam kerana perkara itu tidak diberi perhatian yang serius oleh setengah-setengah pihak yang kononnya memper-

Katanya, prinsip-prinsip Islam seperti melarang orang menghina orang lain, menganjurkan cara hidup terbaik-baik, format menghormati saling membantu telah membawa Islam ke seluruh pelosok dunia.

Bagaimanapun, jelasnya, sejarah Islam dengan jelas menunjukkan bahawa agama itu sentiasa mempunyai musuh-musuhnya yang terdiri dari mereka yang menggugat prinsip-prinsip itu.

"Telah timbul mereka yang pernah mengangap diri sebagai nabi, Imam Mahadi dan lain-

dituntut oleh Islam meliputi semua aspek kehidupan umat, dari hal ehwal diri sendiri hinggalah perhubungan sosial kegiatan ekonomi, pentadbiran dan pengurusan serta politik.

"Kebersihan yang dimaksudkan oleh tema musabqah ini ialah kebersihan yang menjadi nilai, prinsip dan cara hidup. Ia meliputi kebersihan hati dan jiwa seseorang.

"Kalau hati bersih, niat akan menjadi bersih, fikiran bersih dan kelakuan pun menjadi bersih. Hati yang bersih ialah hati yang penuh keima-

Melamahkan umat

Berucap merasmikan upacara pembukaan musabaqah tersebut di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyeru umat Islam supaya berdoa dan berusaha membanteraskan anasir-anasir yang merosakkan kesucian Islam dan melemahkan umat serta syiar Islam.

Upacara tersebut disiarkan secara terus-menerus oleh Televisyen Malaysia ke seluruh Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, usaha memecah-belahkan orang Islam di negara sedang dipertingkatkan oleh segelintir orang yang kononnya berjuang untuk agama Islam.

Katanya, gejala-gejala yang timbul seperti permusuhan, fitnah-memfitnah dan kafir-mengkafir sesama orang Islam di negara ini akan hanya melemahkan usaha memperluaskan pengaruh agama Islam di Malaysia.

"Kegiatan yang tidak sihat dan merbahaya itu tidak ada pada zaman dahulu sewaktu peluang untuk merebut tempat dan kuasa tidak diberikan menerusi sistem demokrasi.

juangkan kepentingan Islam.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian memfaktakan kesedaran baru di kalangan umat Islam di seluruh dunia itu sebagai "satu keangkuhan di kalangan satu golongan yang cuma melihat peluang bagi diri sendiri."

Menyentuh tentang prinsip-prinsip yang tinggi nilainya dalam Islam, beliau berkata prinsip-prinsip itu telah menarik ramai pengikut kepada Rasulullah S.A.W. dan pengikut-pengikut itu bukan sahaja terdiri daripada mereka yang tertindas, tetapi seteru Islam sendiri turut kagum dengan agama itu.

lain sehingga pencemaran ini mempengaruhi orang Islam yang cetek kefahaman dan iman dan justeru melemahkan Islam.

"Pencemaran ini mencabar setiap anggota umat Islam yang benar-benar berpegang kepada Islam dan bertakwa. Bersama-samalah kita berdoa dan berusaha membanteraskan anasir-anasir yang merosakkan kesucian Islam," tambahnya.

Mengenai tema musabaqah kali ini, "Kebersihan Asas Kesempurnaan Iman", Perdana Menteri menjelaskan, kebersihan yang

nan yang benar-benar berasaskan kepada pengertian dan penerimaan hukum Islam yang sebenarnya," tegas beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, dengan hati yang bersih, umat dapat mengelakkan diri daripada busuk hati dan dapat menghindarkan buruk sangka, fitnah-memfitnah serta segala keburukan dan kejahatan.

Sebaliknya, kata beliau, kita dapat memupuk persefahaman, hormat - menghormati dan berbaik sangka sesama umat Islam dan sesama manusia.

Katanya, penganut agama Islam adalah manusia yang lebih istimewa kerana bukan sahaja mereka mempunyai akal fikiran, tetapi segala aspek kehidupan mereka ditentukan oleh Islam sebagai Ad-din.

"Jika orang Islam lemah lagi pada mana-mana masa atau tempat, sebabnya bukanlah kerana kekurangan akal fikiran atau panduan, tetapi adalah kerana membiar nafsu dan syaitan menguasai mereka," tegasnya.